


POKOK TEDUHAN DI PINGGIR JALAN YANG DICADANGKAN:




Kedondong hutan
Andira inermis




Pulai
Alstonia angustiloba



Jelutong
Dyera costulata



Tamalan
Dalbegia oliveri



Semarak api
Delonix regia



Kiara payung
Filicium decipiens

7 Cempaka kuning *Michelia champaca* **8** Penaga lilin *Messua ferrea* **9** Tembusu tikus *Pteleocarpa lamponga* **10** Hujan-hujan *Samanea saman* **11** Tecoma *Tabebuia rosea*

JANGAN LEBIH 20 METER

■ Pohon tinggi tidak stabil mudah tumbang apabila angin kuat



PENDUDUK kampung mengalihkan pokok go tumbang menghempap motosikal dinaiki Riza bersama Muhammad

Pokok yang tidak digalakkan ditanam

- Berdahan rapuh yang mudah patah atau sekah seperti *Acacia mangium* (akasia) dan *Peltophorum pterocarpum* (batai laut)
- Pokok yang mudah reput dan 'die-back' seperti *Fragrae fragrans* (tembusu)



POKOK
Fragrae fragrans (tembusu)

Pemilihan pokok yang sesuai

- Spesies pokok teduhan yang boleh membentuk suasana lebih berhias bagi kawasan yang mempunyai keluasan rizab landskap mencukupi
- Pokok utama berbatang tunggal bagi mengelak gangguan pandangan kepada pemandu kenderaan
- Pokok yang mempunyai ciri unik bagi membentuk identiti atau mercu tanda sesuatu tempat
- Mengambil kira skala dan tahap pertumbuhan pokok supaya tidak mengganggu dan merosakkan laluan jalan raya dan utiliti berdekatan



Langkah diambil jika pokok berisiko

- Memangkas atau membuang bahagian pokok yang berisiko seperti reput, sekah, patah atau berpenyakit
- Memasang alat sokongan termasuk 'tree bracing' jika bahagian bermasalah tidak boleh dibuang
- Melupuskan pokok daripada tapak jika mempunyai risiko yang terlalu tinggi



Pengurusan landskap pinggir jalan

Pengurusan sebelum penanaman:

- Pilih spesies pokok yang sesuai
- Pastikan stok tanaman tidak mengalami kecacatan dan kerosakan struktur seperti luka pada batang
- Pastikan pokok teduhan berbatang tunggal
- Lubang penanaman yang sesuai dengan standard saiz 1.0m X 1.0m X 1.0m.
- Gunakan media penanaman terbaik iaitu tanam campuran 3:2:1 (tanah: pasir: bahan organik)



Pengurusan semasa penanaman:

- Buang polibeg daripada bebola akar
- Padatkan media tanaman pada lubang penanaman untuk mengukuhkan dirian pokok
- Gunakan kayu pancang untuk mengukuhkan pokok

Pengurusan selepas penanaman:

- Siram terutama semasa musim kering bagi pokok kurang setahun selepas tanam
- Pembajaan tiga kali setahun
- Pemangkas secara berkala (dua hingga tiga kali setahun) mengikut peringkat pertumbuhan pokok





KENDERAAN rosak ditimpa pokok dalam kejadian hujan lebat di ibu kota tidak lama dulu.

Oleh Hayati Ibrahim, Fairul Asmaini Mohd Pilus dan Norlela Zulkipli
am@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Pokok yang berada di tepi jalan raya tidak boleh terlalu tinggi atau melebihi 20 meter kerana jika melebihi had itu, ia biasanya kurang daya ketahanan untuk menahan tiupan angin.

Pensyarah Kanan Bidang Botani dan Ekologi Hutan, Jabatan Landskap Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Shamsul Khamis berkata, ini kerana pokok tinggi biasanya kurang stabil serta mudah tumbang dan patah jika dilanda ribut atau angin kencang.

"Justeru, kita tidak galakkan pihak berkuasa tempatan mengekalkan pokok yang tingginya melebihi had berkenaan kerana ia boleh mengancam keselamatan awam.

"Sebaik-baiknya, pastikan pokok yang ada di sepanjang jalan atau laluan

tumpuan sentiasa dipangkas bagi memastikan ia berada dalam ketinggian dan keadaan sesuai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan muka depan Harian Metro baru-baru ini, mengenai tragedi pokok gelam tumbang yang mengorbankan dua nyawa di Kilometer 10, Jalan Gunung Kerian menghala ke Sungai Korok, Jitra, Kedah.

Dalam kejadian jam 12 tengah malam itu, dua beradik, Rizal Mat Saad, 21, dan adiknya, Muhammad Raziq, 17, menaiki motosikal untuk pulang ke rumah di Kampung Kubang Sepat, sebelum tiba-tiba pokok gelam di kiri jalan tumbang.

Kedua-dua mangsa mengalami kecederaan parah di kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Menurut Dr. Shamsul, terdapat tiga jenis pokok yang sering ditanam di negara ini iaitu kayu lembut (pulai, gelam, hujan-hujan, mempari serta bogi-

da), kayu sederhana (kulat, kulat laut, kandis, manggis, saga) dan kayu keras (merawan, meranti, cengal, kapur dan sebagainya).

Kata beliau, bagi kawasan sekitar jalan raya, pokok jenis kayu lembut tidak sesuai untuk ditanam kerana daya tahannya melawan angin rendah berbanding jenis lain.

Sebaliknya, pokok jenis kumpulan kayu sederhana seperti kelat dan kelat laut paling sesuai ditanam kerana struktur kayunya lebih kukuh.

"Pokok jenis kayu keras pula jika ditanam di tepi jalan raya bukan saja akan merosakkan struktur laluan itu malah turut menjejaskan kawasan persekitaran.

"Selain itu, pokok jenis kayu keras juga boleh mencapai ketinggian hingga lebih 50 meter," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kaitan antara saiz dengan usia pula, Dr Shamsul berkata, tidak semua pokok mengalami

“Kita tidak galakkan pihak berkuasa tempatan mengekalkan pokok yang tingginya melebihi had”

DR Shamsul

tumbesaran yang sama kerana ia bergantung kepada jenisnya.

"Sebagai contoh, pokok kelat laut lebih cepat besar dan tinggi berbanding pokok lain dan usianya boleh mencapai sehingga lebih 30 tahun.

"Namun, usia terbaik bagi pokok hiasan tepi jalan raya adalah di bawah 20 tahun saja dan ia perlu digantikan dengan pokok baru selepas tempoh berkenaan," katanya.

Jelas beliau, kekuatan atau kekukuhan pokok juga berkait rapat dengan jenis tanah di kawasan berkenaan.

"Jika sesuatu kawasan itu mempunyai kandungan organik tinggi dan tanah atas masih ada, po-

kok yang ditanam berupaya untuk hidup lebih subur.

"Tetapi jika kawasan terabit kering kontang atau tidak mempunyai tanah atas seperti kawasan baru pembangunan atau perumahan, pokok yang ditanam tidak akan subur seperti biasa.

"Selain itu, keadaan cuaca keadaan panas dan

lembap di negara ini juga boleh menyebabkan pokok mudah diserang serangga perosak sekali gus mengurangkan daya tahan serta kekuatan struktur batang dan akarnya," katanya.

ESOK: 57 pohon boleh ditanam

POKOK BAWA PETAKA

16 November 2015: Seorang wanita yang cedera parah dihempap pokok tumbang di kawasan hutan Air Hitam, Bukit Wawasan Puchong disahkan maut selepas menerima rawatan di Hospital Serdang.

13 November 2015: Seorang kakitangan bank, Yusri Abdullah, 42, meninggal dunia akibat cedera parah di kepala selepas dihempap sebatang pokok yang tumbang ketika melalui Jalan Jelatang, Alor Gajah, Melaka.

13 Oktober 2015: Seorang wanita dan anaknya nyaris maut apabila kereta yang dinaiki dihempap sebatang pokok yang tiba-tiba tumbang ketika melalui simpang tiga, Kampung Delek, Klang.

15 Ogos 2015: Seorang warga emas, Zulkifli Md Taha, 66, maut ditimpa pokok tumbang ketika hujan ribut dan angin kencang di Raub, Pahang. Mangsa sedang menggali liang lahad di Tanah Perkuburan Rotan Tunggal ketika kejadian.

24 Mac 2009: Seorang tukang masak, Rosdi Yahaya, 40, yang sedang menunggang motosikal maut selepas dihempap sebatang pokok jering setinggi lima meter yang tumbang akibat angin kencang ketika hujan lebat di Kampung Teluk Mahang, Kuantan, Pahang.

PENDUDUK kampung mengalihkan pokok gelam yang tumbang menghempap motosikal dinaiki Rizal Mat bersama Muhammad Raziq.